

Minta tolong potong bukit

Pekebun getah gesa JPS rendahkan paras ketinggian jalan memasuki kawasan kebun mereka

LEMBAH BERINGIN - Pengusaha kebun getah di Bukit Belatar menggesa pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) supaya dapat merendahkan paras ketinggian jalan memasuki kawasan kebun mereka bagi memudahkan hasil dibawa keluar.

Kebanyakan pekebun getah berpuas hati dengan usaha JPS memperbaiki jalan yang menghubungkan kebun mereka, namun permintaan supaya paras ketinggian jalan direndahkan dapat diberi perhatian kerana lebih mudah dan selamat.

Pekebun, P Poongavanam, 56, berkata, seramai 60 pekebun getah di kawasan Ladang Bukit Belatar akan menggunakan jalan tersebut untuk mengeluarkan hasil getah antara 60 kilogram (kg)



POONGAVANAM

hingga 80 kg setiap hari yang kebanyakannya menggunakan motosikal.

"Bayangkan macam mana keadaan kami nak bawa keluar hasil getah kalau jalan bukit begini. Nak turun susah, nak naik lagi susah.

"Sekarang musim kemarau pun jalan sudah licin macam mana kalau hujan.

“ Apa yang kita buat adalah berdasarkan skop kerja yang telah ditetapkan dan untuk pengetahuan, kerja memotong bukit tidak ada dalam skop kerja tersebut.” - Halim



Beginilah kecerunan Jalan Bukit Belatar yang terpaksa dilalui pekebun getah setiap hari yang dianggap merbahaya.

Sudah pasti susah nak bawa keluar hasil getah. Sebab itu kita minta JPS potong bukit dan tambak kawasan yang sesuai supaya paras jalan rata sedikit", katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurutnya, permintaan mereka selaras dengan permohonan asal kepada JPS untuk memperbaiki jalan tersebut sepanjang dua kilometer pada tahun lalu.

Bagaimanapun katanya, apabila kerja dimulakan empat hari lalu didapati tiada ker-

ja merendahkan paras bukit dilakukan, sebaliknya hanya batu diletakkan dan saluran longkang dibina.

Sementara itu, Pegawai Yang Menjaga JPS Daerah Hulu Selangor, Halim Masri berkata, pihaknya melaksanakan kerja membaiki jalan itu berdasarkan skop kerja yang telah ditetapkan dan merujuk kepada permohonan asal pekebun terbabit yang melibatkan jalan sepanjang 1.5 kilometer sahaja.

Menurutnya, semua as-

pek telah diambil kira dan sebarang kerja tambahan tidak boleh dilakukan kerana turut melibatkan kos tambahan.

"Apa yang kita buat adalah berdasarkan skop kerja yang telah ditetapkan dan untuk pengetahuan, kerja memotong bukit tidak ada dalam skop kerja tersebut," katanya.

Bagaimanapun, beliau tetap berusaha membawa permohonan pekebun terbabit untuk dilaksanakan pada masa hadapan.